



UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKENAAN
MENGARUSPERDANAKAN GENDER
TAHUN 2016**

**15 NOVEMBER 2016
9.00 PAGI – 12.00 TENGAH HARI
DEWAN PERDANA NUR, KPWKM**

Bismillahi Rahmani Rahim

Assalamualaikum Dan Salam 1Malaysia,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, Syukur ke Hadrat Ilahi kerana di pagi yang berbahagia ini kita dikurniakan kesihatan bagi membolehkan kita bersama-sama berkumpul bagi membincangkan hala tuju agenda pemerkasaan wanita dalam mengarusperdanakan gender. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan terima kasih di atas kehadiran semua ahli yang sudi meluangkan masa bagi menghadiri perbincangan meja bulat berkenaan mengarusperdanakan gender.
2. Isu pembangunan wanita dan kesaksamaan gender merupakan isu yang merentasi pelbagai sektor (*cross-cutting issue*). Justeru, pelaksanaan program pembangunan wanita dilihat memerlukan penglibatan, kerjasama dan sokongan daripada setiap kementerian dan agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kepakaran dan kemahiran tertentu serta pihak-pihak yang berkepentingan.
3. Dalam konteks pembangunan negara kita pada masa ini, bilangan wanita merupakan separuh daripada jumlah penduduk Malaysia dan golongan ini merupakan majoriti dalam kebanyakan institusi pengajian tinggi di negara ini. Justeru, negara tidak boleh kehilangan sumber yang bernilai ini disebabkan ketidakadilan atau ketidaksamaan gender dalam sistem pentadbiran negara.

KOMITMEN KERAJAAN DALAM PEMBANGUNAN WANITA

YBhg. Dato' / Datuk/Dr./ Tuan/ Puan sekalian,

4. Sebarang bentuk diskriminasi terhadap golongan wanita dilihat akan menjadi satu penghalang bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi negara tetapi juga kepada pembangunan sumber manusia negara secara keseluruhannya. Bagaimanapun, usaha dan komitmen tidak berbelah bahagi kepimpinan negara melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam mempromosikan isu-isu gender dilihat telah berjaya meningkatkan status dan kemajuan golongan wanita di Malaysia.
5. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kita perlu meningkatkan daya saing tanpa menyisih atau meminggirkan mana-mana kumpulan atau golongan rakyat selaras dengan objektif Kementerian untuk memastikan pelbagai perpektif mengenai gender disepadukan dalam penggubalan dasar negara, bermula dari perancangan sehinggalah ke peringkat pelaksanaan.
6. Kerajaan adalah komited dalam usaha-usaha untuk mencapai matlamat kesaksamaan gender memandangkan golongan wanita negara ini dilihat melaksanakan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memperkasakan wanita yang merupakan sebahagian daripada aset negara.

ENGAGEMENT DENGAN PELBAGAI PIHAK

YBhg. Dato' / Datuk/Dr./ Tuan/ Puan sekalian,

7. Sesungguhnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merupakan sebuah kementerian yang kecil dengan sumber kewangan yang terhad berbanding dengan kementerian dan agensi lain namun begitu KPWKM dilihat tidak bersendirian dalam isu mengenai mengurusperdanakan gender. KPWKM menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH) dalam isu kesihatan ; Kementerian Pelajaran Malaysia (MOE) dalam isu pendidikan ; dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) serta Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) dalam hal ehwal kewangan dan isu-isu berkaitan.
8. Kementerian ini amat terbuka dan mengalu-alukan pandangan serta cadangan membina daripada pelbagai pihak termasuk kumpulan sasar Kementerian ini berhubung pelaksanaan inisiatif bagi mengurusperdanakan gender bagi memastikan dasar dan perundangan yang digubal atau dipinda mengambil kira perspektif gender agar ia dapat diintegrasikan dalam semua peringkat perancangan, penggubalam dasar serta pelaksanaan program Kerajaan.

AKTA KESAKSAMAAN GENDER

9. Dalam perkembangan berkaitan, Kementerian ini kini sedang giat melaksanakan sesi *engagement* dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi penggubalan Akta Kesaksamaan Gender bagi memastikan Malaysia berada pada tahap yang sama atau lebih sebagaimana negara-negara maju dalam memastikan perkara

berkaitan kesaksamaan gender dapat dilaksanakan di kalangan rakyat negara ini.

10. Pengwujudan akta seumpama ini dilihat seiring dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan Malaysia berkenaan dengan hak kesamarataan. Hak ini amat penting bagi mengelakkan berlakunya diskriminasi dan ketidakadilan kepada rakyat Malaysia seterusnya dapat menegakkan hak asasi manusia. Kesamarataan ini dapat dilihat dari banyak aspek termasuklah dari segi agama, bangsa, keturunan, tempat lahir dan jantina. Hak kesamarataan ini diiktiraf sebagai salah satu kebebasan asasi yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.
11. Sehubungan itu, rang undang-undang yang bakal digubal nanti perlu mengambil kira perspektif gender berbanding jantina bilamana golongan lelaki mahupun perempuan mempunyai peluang yang sama bukan sahaja di peringkat permulaan tetapi di semua peringkat dalam memenuhi keperluan masing-masing iaitu mengenai keadilan yang mengambil kira perbezaan situasi di pihak lelaki mahupun perempuan.
12. Kementerian amat mengalu-alukan usaha untuk mengumpul maklumat tentang pelbagai bentuk program dan kemudahan yang boleh membantu samada dalam perniagaan, khususnya untuk wanita. Kompilasi maklumat ini boleh dijadikan rujukan kepada Pengarah Pembangunan Wanita Negeri untuk menyebarkan maklumat tersebut kepada wanita yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan

13. Kementerian akan mengaktifkan semula GFP dan memaklumkan tentang keperluan dan isu-isu yang berkaitan gender mainstreaming. Sehubungan dengan itu saya ingin juga menyarankan agar setiap agensi menyediakan gender disaggregated data sepertimana dalam surah arahan KSN. Pemantauan kepada pelaporan daripada GFP ini akan dilaksanakan bagi memastikan data-data yang berkaitan dapat digunapakai selaras dengan keperluan semasa.

MENGARUS PERDANAKAN GENDER

YBhg. Dato' / Datuk/Dr./ Tuan/ Puan sekalian,

14. Berikutan itu, saya melihat perbincangan Meja Bulat yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh pihak Jabatan Pembangunan Wanita sebagai satu platform yang boleh menggerak dan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan inisiatif mengarusperdanakan gender bagi memastikan dasar dan perundangan yang digubal atau dipinda mengambil kira perspektif gender agar ia dapat diintegrasikan dalam semua peringkat perancangan, pengubalan dasar dan pelaksanaan program Kerajaan.

15. Sekadar perkongsian bersama, sejak memasuki suku tahun keempat tahun 2016 Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai aktiviti, program dan mesyuarat utama berkaitan pemerkasaan agenda wanita samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa seperti Majlis pelancaran Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (HWA) & Kebangsaan, Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Kebangsaan (MPWK) , Perwani Leadership Summit , Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perunding

Wanita (MPPW) dan terbaru Majlis Kebangsaan Pembangunan Wanita dan Keluarga pada 20 Oktober lalu.

PENUTUP

16. Saya berharap agar objektif Perbincangan Meja Bulat bagi Mengarusperdanakan Gender ini mencapai matlamatnya dalam menggerakkan inisiatif untuk mengarusperdanakan gender di peringkat Kementerian dan Jabatan Kerajaan bagi memastikan proses penggubalan dasar dan undang-undang yang dirangka sentiasa mengambil kira perspektif gender.

17. Anda semua dihadapan saya adalah penggerak bagi usaha-usaha yang telah dan akan sama-sama kita bincangkan. Sekali lagi besar harapan saya dalam memastikan proses penggubalan dasar dan pelan tindakan serta perancangan program yang lebih efektif dapat kita lakukan bersama demi kepentingan dan kesejahteraan wanita.

Sekian, terima kasih.